

17 DEC 1998

Negara-Iraq

AS, BRITAIN TIDAK HORMATI BULAN PUASA, DEWAN NEGARA DIBERITAHU

KUALA LUMPUR, 17 Dis (Bernama) -- Amerika Syarikat dan Britain jelas tidak menghormati sensitiviti umat Islam yang akan menyambut kedatangan bulan puasa apabila mengambil tindakan mengebom Iraq hari ini.

Demikian kata Senator Zuki Kamaluddin ketika membentangkan usul mengutuk pencerobohan hak asasi manusia oleh AS dan Britain ke atas Iraq pada persidangan Dewan Negara hari ini.

Usul itu yang dicadangkan oleh Senator Rosli Mat Hassan dan disokong oleh Datuk Christina Tibok Vanhouten kemuciannya dibahaskan dan diluluskan dengan sebulat suara.

Mohd Zuki berkata kedaulatan dan hak asasi manusia di Iraq terus dicabuli tanpa sebab musnasabah dan rasional.

"Kedaulatan dan hak asasi manusia di Iraq dicabuli akibat pencerobohan kuasa besar pada pukul 12.49 pagi waktu Baghdad atau 6 pagi 17 Dis waktu Malaysia," katanya.

Katanya kejadian itu turut menunjukkan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu gagal mengambil tindakan tegas menghalang AS dan Britain dari terus membuli dan menyerang Iraq secara melulu.

Malahan, katanya, sekatan ekonomi Majlis Keselamatan PBB yang telah berlarutan selama lebih lapan tahun tidak boleh membawa keamanan dan penyelesaian yang dihasratkan masyarakat antarabangsa.

"Pihak Jerman yang kalah teruk semasa Perang Dunia Kedua dan telah membunuh ratusan ribu bangsa Yahudipun tidak dikenakan sekatan seteruk seperti yang dikenakan ke atas Iraq," katanya.

Beliau turut menggesa Majlis keselamatan PBB menarik balik sekatan ekonomi yang menyebabkan kematian hampir 1.5 juta kanak-kanak Iraq.

"Majlis dewan ini mengambil ketetapan untuk menyampaikan resolusi ini kepada pihak Wisma putra untuk disampaikan kepada Kedutaan Amerika Syarikat dan Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur dan Majlis Keselamatan PBB.

Senator Datuk Zainuddin Maidin ketika membahaskan usul itu mengutuk serangan ke atas Iraq itu dengan menyifatkan sebagai serangan di luar batasan kemanusiaan.

Senator Rosli Mat Hassan berkata serangan itu menunjukkan Amerika Syarikat menggunakan kuasanya untuk memecah belahkan negara-negara kecil di seluruh dunia.

"Sejarah membuktikan sejak berabad-abad lalu bahawa penggunaan senjata tidak akan menyelesaikan sebarang masalah," katanya sambil menyifatkan Amerika Syarikat sebagai sombong dan gila kuasa.

Senator Datuk Abdul Aziz Abdul Rahman berkata banyak insiden kehancuran di dunia berpunca daripada sikap dan campurtangan Amerika Syarikat.

"Malahan mereka (Amerika Syarikat) dilihat mula memainkan peranan mereka di rantau ini," katanya merujuk kepada kenyataan Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore yang menyokong gerakan reformasi di negara ini baru-baru ini.

Senator Yim Chee Chong turut mengecam tindakan itu dan menggesa Majlis Keselamatan PBB mengadakan mesyuarat tergepar menghalang serangan itu.

Senator Datuk Ghazi @ Hasbullah Ramli pula berkata serangan itu membuktikan teori konspirasi barat terhadap Islam tepat dan betul.

"Perdana Menteri Datuk seri Dr Mahathir (Mohamad) yang sebelum ini berkali-kali berkata mengenai kuasa barat yang menekan kita adalah tepat sekali," katanya.

Senator Hassan Ali turut menyokong usul itu dan mengutuk

sekeras-kerasnya serangan ke atas Iraq.

-- BERNAMA

MS WAT